



UNIVERSITI  
M A L A Y A

2022

# POLISI BEBAS TEMBAKAU & PRODUK MEROKOK

Universiti Malaya







# **POLISI BEBAS TEMBAKAU & PRODUK MEROKOK**

**Universiti Malaya  
2022**

*Setinggi-tinggi*

# Penghargaan



Pihak Task Force Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau Universiti Malaya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pelbagai pihak yang telah berusaha memberikan kerjasama dalam penghasilan Buku Polisi Bebas Tembakau dan Produk Merokok Universiti Malaya 2022, terutamanya Pusat Strategi Korporat, dan Pejabat Pengurusan Projek di atas segala sokongan dan kelancaran proses pembangunan polisi kawalan tembakau Universiti Malaya.

---

# Isi Kandungan

1	Latar Belakang Polisi	1
2	Pengenalan	3
3	Takrifan	4
4	Penguatkuasaan Polisi	5
5	Kawasan Larangan Merokok	6
6	Iklan, Promosi, Pemasaran, Pengedaran, dan Jualan Langsung dan Tidak Langsung Produk Tembakau atau Produk Merokok yang Lain	7
7	Pembentukan dan Pengurusan Organisasi dan Kumpulan	7
8	Tajaan atau Hadiah dan Kerjasama dengan Industri Tembakau dan Produk Merokok yang Lain	7
9	Pelaburan dalam Industri Tembakau atau Produk Merokok yang Lain	8
10	Karnival dan Aktiviti Kakitangan dan Pelajar	8
11	Perkhidmatan Berhenti Merokok	8
12	Pendaftaran Pelajar Baru dan Pengambilan Kakitangan	8
13	Peranan dan Tanggungjawab	9
14	Semakan Polisi	9
15	Ahli Task Force Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau Universiti Malaya	10

---

# 1. Latar Belakang Polisi

<b>Tajuk Polisi</b>	Polisi Bebas Tembakau dan Produk Merokok Universiti Malaya
<b>Pemilik Polisi</b>	Universiti Malaya
<b>Pusat Tanggungjawab (PTj)</b>	Bahagian Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE)
<b>Pemakaian Polisi</b>	Semua individu yang memasuki kawasan kampus termasuk kakitangan, pelajar, kontraktor, pekerja kontraktor yang menyediakan perkhidmatan di kampus, penyewa, pelawat, dan perunding.
<b>Tujuan Polisi</b>	Tujuan polisi ini adalah untuk melindungi kesihatan semua pelajar, pekerja dan pelawat dengan menyediakan persekitaran kampus yang selamat, sihat dan bebas tembakau dan produk merokok.
<b>Pernyataan Polisi</b>	<p>Memastikan UM menjadi kampus bebas tembakau dan produk merokok yang lain;</p> <p>Menggalakkan dan memberikan sokongan kepada semua kakitangan dan pelajar yang ingin berhenti merokok;</p> <p>Menyediakan persekitaran kampus yang sihat dan selamat;</p> <p>Melarang sebarang pengiklanan, penajaan, pengedaran dan/atau penjualan hasil tembakau dan produk merokok yang lain;</p> <p>Melarang sebarang penerimaan tajaan daripada industri tembakau dan produk merokok untuk projek penyelidikan dan apa-apa bantuan kewangan kepada mana-mana kakitangan dan pelajar; dan</p> <p>Melarang sebarang penerimaan tajaan atau hadiah daripada industri tembakau dan produk merokok.</p>

Universiti Malaya telah menguatkuasakan larangan merokok di kawasan premis UM berdasarkan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U. (A) 324/2004]. Walau bagaimanapun terdapat keperluan untuk UM mengadakan satu polisi berkaitan kawalan tembakau yang menyeluruh dan merangkumi larangan merokok, kawalan tembakau dan produk merokok sejajar dengan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

## **Task Force Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau Universiti Malaya**

Satu Task Force Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau Universiti Malaya telah ditubuhkan pada 01 November 2021 di mana Task Force ini diberi tempoh selama satu (1) tahun dari tarikh lantikan untuk menyediakan polisi berkenaan. Antara tugas utama dan tanggung jawab Task Force adalah:

- (a) Merangka dan menyediakan Polisi Kawalan Tembakau UM;
- (b) Merancang dan mencadangkan pelaksanaan dan penguatkuasaan polisi tersebut;
- (c) Mengenal pasti peranan dan tanggung jawab pihak yang berkaitan dalam pelaksanaan polisi tersebut;
- (d) Membangunkan kaedah pemantauan dan penilaian pelaksanaan polisi tersebut; dan
- (e) Mencadangkan strategi, inisiatif dan aktiviti untuk mempromosikan polisi tersebut.

Task Force telah mengadakan beberapa siri perbincangan pada 25 Januari 2022, 14 Februari 2022, 28 Februari 2022 dan 9 Mac 2022 termasuk bersama pegawai-pegawai daripada Unit Kawalan Tembakau, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mendapatkan pandangan mengenai draf polisi yang telah disediakan.

Task Force ini juga turut mendapatkan ulasan daripada pegawai undang-undang UM mengenai draf polisi yang telah disediakan, dan maklum balas telah dibincangkan bersama pegawai undang-undang Universiti pada 9 Mac 2022.

Polisi ini kemudian telah dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 22 Mac 2022 dan telah dipersetujui oleh JKPU untuk diperakuan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan telah diluluskan pada 7 April 2022.

Polisi ini dilancarkan pada 31 Mei 2022 bersempena dengan sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia (*World No Tobacco Day*).

## 2. Pengenalan

Polisi ini dinamakan sebagai Polisi Bebas Tembakau Dan Produk Merokok Universiti Malaya (selepas ini hendaklah dirujuk sebagai "Polisi") yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya (selepas ini hendaklah dirujuk sebagai "UM") sebagai satu inisiatif bagi melindungi kesihatan semua pelajar, pekerja dan pelawat dengan menyediakan persekitaran kampus yang selamat, sihat dan bebas tembakau serta produk merokok.

Penyelidikan saintifik telah membuktikan bahawa penggunaan tembakau termasuk rokok elektronik (e-cigarette) dan vape adalah membahayakan kesihatan. Dengan kesedaran ini, UM berhasrat untuk mewujudkan, melaksanakan dan menguatkuasakan Polisi ini selaras dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (P.U.(A)324/2004), Akta Makanan 1983, di mana antara lainnya, menyenaraikan semua institusi pengajian tinggi sebagai salah satu daripada dua puluh tiga (23) kawasan yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

Polisi ini juga adalah sejajar dengan Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (*Framework Convention on Tobacco Control, FCTC*) yang merupakan satu perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia pada 16 September 2005. Ianya juga dibuat selari dengan polisi Kerajaan sepertimana dinyatakan dalam Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau dan Produk Merokok 2021 - 2030.



### 3. Takrifan

Bagi tujuan Polisi ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna berikut, melainkan dinyatakan sebaliknya:

"UM"	ertiya Universiti Malaya.
"bebas tembakau dan produk merokok"	ertiya persekitaran yang bebas dari sebarang bentuk amalan merokok termasuk aktiviti promosi, pengiklanan, penajaan dan penjualan produk merokok.
"industri tembakau dan produk merokok"	ertiya pengimport, pengilang dan pengedar produk tembakau dan produk merokok yang lain.
"kampus"	ertiya semua premis dan kawasan yang berada di bawah kawalan dan tadbir urus Universiti Malaya termasuk kampus cawangan.
"merokok"	ertiya menyedut dan menghembus asap atau wap daripada sebarang produk tembakau atau terbitannya atau atau produk merokok, termasuk memegang atau mengawal sebarang produk tembakau atau produk merokok yang dinyalakan atau dipanaskan, secara langsung atau tidak langsung.
"tajaan tembakau dan produk merokok lain"	ertiya sebarang bentuk sumbangan yang diberi bagi sesuatu acara, aktiviti atau individu, dengan niat untuk, secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi promosi produk tembakau dan produk merokok yang lain serta penggunaan produk-produk tersebut.
"pengiklanan dan promosi produk tembakau atau produk merokok"	ertiya sebarang bentuk komunikasi komersial, pengesyoran atau tindakan, dengan niat untuk memberi kesan atau berkemungkinan memberi kesan, terhadap promosi produk tembakau atau produk merokok yang lain serta penggunaannya, sama adasecara langsung atau tidak langsung.

“hasil tembakau”

ertinya tembakau, rokok atau cerut atau apa-apa bentuk lain tembakau termasuklah apa-apa campuran yang mengandungi tembakau yang dimaksudkan bagi kegunaan manusia tetapi tidaklah termasuk apa-apa keluaran perubatan yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] atau Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [P.U.(A)223/1984].

“produk merokok”

ertinya apa-apa produk merokok selain tembakau termasuk tetapi tidak terhad kepada, rokok elektronik seperti, vape, mod, pod dan produk pengganti tembakau termasuk tetapi tidak terhad kepada rokok berasaskan daun teh atau herbal dan sebagainya.

“rokok”

ertinya apa-apa hasil yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya tembakau yang dipotong, dicarik atau dikilang, atau apa-apa terbitan atau pengganti tembakau, yang digulung di dalam pembalut kertas tunggal atau lebih, dan yang boleh digunakan dengan serta merta untuk merokok.

## 4. Penguatkuasaan Polisi

**4.1** Polisi ini hendaklah dikuatkuasakan oleh pegawai penguatkuasa terlatih yang dilantik dan diberi kuasa oleh Naib Canselor seperti dinyatakan di perkara 13.5. Individu yang didapati melanggar mana-mana peruntukan Polisi ini boleh dikenakan tindakan selaras dengan peraturan Universiti yang dibuat di bawah atau selari dengan Polisi ini.

**4.2** Sebarang aduan awam, maklum balas dan laporan pelanggaran berkaitan dengan Polisi ini boleh dibuat ke nombor telefon dan alamat e-mel yang ditentukan oleh Universiti.



## 5. Kawasan Larangan Merokok

Semua tempat di dalam kawasan kampus adalah kawasan larangan merokok, termasuk;

- (a) Semua bangunan tertutup (termasuk, tetapi tidak terhad kepada bilik kuliah, auditorium, bilik tutorial, makmal, pejabat, kawasan kerja, ruang belajar, bilik persidangan dan mesyuarat, ruang legar, klinik, tempat letak kenderaan di dalam bangunan, koridor, tangga, lif, kafeteria atau ruang makan dan rehat pekerja, kampus atau kolej pelajar, tandas);
- (b) Semua kawasan separa tertutup (termasuk, tetapi tidak terhad kepada laluan tertutup, laluan antara bangunan dan perhentian bas, tempat letak kenderaan, pintu masuk dan kawasan sekitarnya, patio, kafeteria dan tangga di luar bangunan);
- (c) Semua kawasan terbuka di dalam kampus;
- (d) Semua bangunan penginapan di dalam kampus;
- (e) Semua kenderaan milik UM atau disewakan kepada UM; dan
- (f) Semua kenderaan peribadi yang digunakan dan/atau diletakkan di dalam kampus.



## **6. Iklan, Promosi, Pemasaran, Pengedaran dan Jualan Langsung dan Tidak Langsung Produk Tembakau atau Produk Merokok yang Lain**

UM melarang sebarang bentuk pengiklanan, promosi, pemasaran, pengedaran dan penjualan produk tembakau atau produk merokok yang lain dalam apa jua bentuk sama ada secara langsung atau tidak langsung (termasuk barang yang mempunyai logo pengeluar atau jenama rokok atau jenama produk merokok yang lain) di dalam kampus dan semua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak UM.

## **7. Pembiayaan, Penyelidikan, dan Bantuan Kewangan**

UM melarang penerimaan sebarang pembiayaan untuk projek atau geran penyelidikan, atau apa-apa bentuk bantuan kewangan kepada mana-mana kakitangan atau pelajar atau lain-lain yang ditawarkan secara langsung atau tidak langsung daripada industri tembakau atau industri produk merokok yang lain. Sekiranya penerimaan sebarang pembiayaan atau geran atau apa-apa bentuk bantuan kewangan atau lain-lain yang ditawarkan tidak dapat dielakkan, ianya mestilah mendapat kelulusan dan kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan UM terlebih dahulu.

## **8. Tajaan atau Hadiah dan Kerjasama dengan Industri Tembakau dan Produk Merokok yang Lain**

UM melarang mana-mana kakitangan atau pelajar yang mewakili UM untuk menerima tajaan, hadiah atau terlibat dalam kerjasama secara langsung atau tidak langsung dengan industri tembakau atau industri produk merokok yang lain, termasuk komuniti dan/atau projek jaringan industri. Sekiranya tajaan atau hadiah atau kerjasama dengan industri tembakau atau industri produk merokok tidak dapat dielakkan, ianya mestilah mendapat kelulusan dan kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan UM terlebih dahulu.

## 9. Pelaburan dalam Industri Tembakau atau Produk Merokok yang Lain

Sebarang bentuk pelaburan yang melibatkan industri tembakau atau industri produk merokok yang lain, secara langsung atau tidak langsung, adalah dilarang.

## 10. Karnival dan Aktiviti Kakitangan dan Pelajar

UM melarang mana-mana industri tembakau atau industri produk merokok yang lain untuk menyertai mana-mana karnival atau aktiviti yang dianjurkan oleh kakitangan atau pelajarnya.

## 11. Perkhidmatan Berhenti Merokok

UM menyediakan perkhidmatan berhenti merokok di dalam kampus yang dikenali sebagai Klinik Berhenti Merokok dan Perkhidmatan Berhenti Merokok UM bagi mana-mana individu yang berhasrat untuk berhenti merokok.

## 12. Pendaftaran Pelajar Baru dan Pengambilan Kakitangan

Pendaftaran pelajar baru dan pengambilan kakitangan baru akan mengambil kira status merokok mereka. Pelajar baru dan kakitangan baru yang merokok akan dinasihatkan untuk berhenti merokok dan akan dirujuk ke Klinik Berhenti Merokok dan Perkhidmatan Berhenti Merokok UM.

## 13. Peranan dan Tanggungjawab

- 13.1** Ketua Jabatan (PTj) bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kakitangannya mengenai perlaksanaan Polisi ini termasuk perlaksanaannya dan penguatkuasaannya yang ketat.
- 13.2** Papan-papan tanda larangan merokok perlu dipaparkan dengan jelas di semua pintu masuk kampus dan kawasan strategik lain di dalam kampus, termasuk bahagian dalam dan luaran bangunan dan kawasan terbuka.
- 13.3** Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda UM bertanggungjawab untuk memasang dan menyelenggara papan-papan tanda larangan merokok dan bebas tembakau dan produk merokok di kampus. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua kontraktor mengenai larangan merokok di dalam kampus.
- 13.4** Pengusaha ruang makan/kafeteria/kantin bertanggungjawab untuk memaklumkan mana-mana individu yang merokok di premis mereka bahawa perbuatan itu melanggar polisi dan meminta perokok untuk berhenti merokok secara serta-merta dan membuang rokok yang tinggal. Jika perokok gagal untuk mematuhi peraturan tersebut, mereka perlu meninggalkan premis tersebut.
- 13.5** Pegawai penguatkuasa terlatih dan yang dilantik, serta diberi kuasa oleh Naib Canselor seperti dinyatakan di perkara 4.1 bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Polisi ini di dalam kampus.

## 14. Semakan Polisi

Polisi ini boleh disemak pada bila-bila masa selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaannya dan sentiasa dikemaskini.

Disediakan oleh: *Task Force Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau UM* (seperti pada 22.03.2022)

# 15. Ahli *Task Force* Pembangunan Polisi Kawalan Tembakau Universiti Malaya

Profesor Madya Dr **Farizah Mohd Hairi**  
Fakulti Perubatan (Ketua)

Profesor Madya Dr **Amer Siddiq Amer Nordin**  
Fakulti Perubatan (Timbalan Ketua)

Profesor Madya Dr **Anne Yee Hway Ann**  
Fakulti Perubatan

Profesor Madya Dr **Nur Amani @ Natasha Ahmad Tajuddin**  
Fakulti Perubatan

Dr **Effariza Hanafi**  
Fakulti Kejuruteraan

Profesor Dr **Victor Hoe Chee Wai Abdullah**  
Fakulti Perubatan

Profesor Dr **A.S. Md. Abdul Haseeb**  
Penyelaras Kluster Penyelidikan

Profesor Dr **Noran Naqiah Mohd Hairi**  
Dekan Kluster Kesihatan dan Kesejahteraan

Puan **Nor Aishah Samah**  
Ketua Unit Integriti

Dr **Zuraidah Mohamed**  
Ketua Klinik Kesihatan UM

Tuan **Syed Abdul Aziz Syed Hashim**  
Pengarah Bahagian Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan, & Alam Sekitar (OSHE)

Encik **Hashbullishman Hashim**  
Pengarah Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB))



2022 | Polisi Bebas Tembakau & Produk Merokok Universiti Malaya

